

'Suami stabil selepas pembedahan buang peluru'

3/11/19

17/3/19

MS

Kuala Lumpur: "Suami stabil dan perlu jalani beberapa lagi pembedahan untuk buang serpihan peluru di bahagian tulang belakangnya," kata Nor Azila Mohammad, 39.

Isteri Rahimi Ahmad, rakyat Malaysia yang cedera dalam kejadian tembakan rambang di dua masjid di Christchurch, New Zealand kelmarin, berkata suaminya yang bekerja sebagai jurutera robotik, masih ditempatkan di Unit Rawatan Rapi (ICU) Hospital Christchurch selepas menjalani dua pembedahan pada kelmarin dan pagi semalam.

"Pembedahan susulan untuk buang serpihan peluru, selain menghentikan pengaliran darah di kawasan arterinya yang tercedera. Keadaannya dilaporkan stabil dan selepas dua pembedahan besar, doktor terpaksa meletakkannya dalam keadaan tidak sedar supaya dia boleh berehat," katanya ketika dihubungi BH, semalam.

Nor Azila yang sudah lima tahun berada di Christchurch dan mena-



Pembedahan susulan untuk buang serpihan peluru, selain menghentikan pengaliran darah di kawasan arterinya yang tercedera"

Nor Azila Mohammad,
Isteri kepada mangsa cedera

matkan pengajian ijazah doktor falsafah (PhD) perubatan di Universiti Canterbury sehari sebelum tragedi itu, berkata beliau reda dengan apa berlaku walaupun ia meninggalkan trauma kepadanya dan anak-anak, terutama mengenang keadaan suami serta insiden mengerikan itu.

"Setakat ini, saya belum bercadang pulang ke tanah air. Lagi pun keluarga mentua dari Pulau Pinang dijangka tiba di Christchurch," katanya sambil menambah, Perdana Menteri New Zealand, Jacinda Ardern turut melawat Rahimi di hospital dan memberi jaminan akan membantu dalam apa juga keadaan, selain meminta mereka bersabar.

Alami trauma teruk

Di **Georgetown**, abang kepada Rahimi, Rosdi, 42, berkata Nor Azila memberitahunya, anak sulung pasangan itu yang berjaya diselamatkan dalam kejadian berkenaan kini trauma teruk kerana menyaksikan sendiri serangan berkenaan semasa

di Masjid Al-Noor.

"Anak saudara saya itu enggan bersama orang lain kecuali ibunya. Nor Azila juga memaklumkan Rahimi telah menjalani pembedahan kedua untuk membuang peluru yang terkena tulang belakangnya pagi ini (semalam) dan belum sedar namun dilaporkan stabil.

"Semalam (kelmarin), Rahimi menjalani pembedahan membuang peluru yang terkena perutnya. Saya dan ibu, Rokiah Mohammad, 65, kesana hari ini dan berharap adik pulih dan kembali sihat," katanya kepada pemberita ketika ditemui di Lapangan Terbang Antarabangsa Pulau Pinang (LTAPP), semalam.

Keluarga lega

Di **Alor Setar**, kakak Mohd Tarmizi, Zarina Shuib, 53, berkata mereka sekeluarga lega apabila dimaklumkan oleh adik iparnya, Marina Hamzah, 46, bahawa mangsa stabil dan perlu menjalani beberapa pembedahan lagi, namun anaknya, Ha-

zila, 17, masih belum ditemui.

"Marina memaklumkan Tarmizi mungkin terkena tembakan pada bahagian kepala atau belakang badan kerana ketika serangan dia sedang bersujud. Setakat ini keadaan adik saya stabil seperti dimaklumkan isterinya ketika kami berhubung melalui aplikasi WhatsApp," katanya.

Di **Shah Alam**, isteri Mohd Nazril Hisham Omar, 46, Prof Madya Dr Zurinawati Mohi, 48, yang menghibung mangsa di Hospital Christchurch kira-kira jam 6 pagi semalam, berkata suaminya yang ditembak di belakang badan dan kaki, hanya menjawab 'sakit' ketika ditanya bagaimana keadaannya.

Pensyarah Kanan Fakulti Pengurusan Hotel dan Pelancongan Universiti Teknologi MARA (UiTM) Puncak Alam itu ketika ditemui di Seksyen 8 Shah Alam, berkata beliau menghubungi mangsa selepas seorang rakan di New Zealand memaklumkan hospital tempat suaminya dirawat memintanya berbuat demikian.